



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN  
ARAS 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK  
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR  
E-mel: sukkt@johor.gov.my  
Laman Web: www.johor.gov.my/sukkt

Pejabat Am : 07-2666380  
Faks Pejabat : 07-2909290/91  
Zoo Johor : 07-2230404  
Faks Pejabat Zoo: 07-2212176

Ruj. Kami : SUKJ.KT.500-3/3/4 Jilid 3 (09)  
Tarikh : 15 Ogos 2025

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor  
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun / Syarikat Berkaitan Kerajaan

YB Dato'/Ybhg.Datuk/YB Datin Paduka/YAA/YM Ungku/Tuan/Puan,

**IKLAN JAWATAN KOSONG BERTARAF KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE) DI  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR, BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Iklan Jawatan Kosong bertaraf kontrak di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan sebagaimana butiran di bawah untuk dipamerkan di papan kenyataan jabatan YB Dato'/Ybhg.Datuk/YB Datin Paduka/YAA/YM Ungku/Tuan/Puan :

BIL	JAWATAN / GRED	KEKOSONGAN
1	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W1	1

3. Sekian untuk makluman YB Dato'/Ybhg.Datuk/YB Datin Paduka/YAA/YM Ungku/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HJ MUHAMAD SYAHRIZAT BIN ALWEE)**

Setiausaha Bahagian,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor,  
Bahagian Kerajaan Tempatan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN  
ARAS 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK  
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**

**IKLAN JAWATAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat negeri Johor atau warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan bagi jawatan seperti berikut:

**A. SKIM PERKHIDMATAN**

Klasifikasi Perkhidmatan

**: PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)**

Kumpulan Perkhidmatan

**: KEWANGAN**

Gred

**: PELAKSANA**

Taraf Jawatan

**: W1**

Jadual Gaji

**: KONTRAK**

	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
	RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

Kekosongan

**: 1 KEKOSONGAN**

**SYARAT LANTIKAN:**

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (i) Warganegara Malaysia
  - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (iii) a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,500.00) atau  
b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,561.00) atau

- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W1 : RM1,561.00) atau

- d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W1 : RM1,622.00) atau

- e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W1 : RM1,622.00)

- (iv) Memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

- (v) Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

- (vi) Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

- (vii) Penaklukan di bawah Syarat- Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

- (viii) Deskripsi Tugas:

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

## **2. CARA MEMBUAT PERMOHONAN**

- (i) Permohonan hendaklah dikemukakan secara **atas talian** melalui **Sistem Permohonan Perjawatan Kerajaan Negeri Johor** di pautan <https://jawatan.johor.gov.my>. Pemohon dikehendaki mengisi semua maklumat yang diperlukan secara lengkap dan tepat dalam sistem tersebut.

**SEBELUM ATAU PADA : 31 OGOS 2025**

- (ii) Semua permohonan mestilah disertakan dengan dokumen sokongan yang dimuat naik ke dalam sistem, termasuk:
- Gambar berukuran passport terkini.
  - Salinan kad pengenalan dan sijil kelahiran.
  - Salinan sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan.
  - Salinan pengiktirafan kelayakan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi kelulusan Ijazah/Diploma yang telah disahkan.
- (iii) Sila pastikan jawatan yang dipohon dinyatakan dengan jelas semasa mengisi borang permohonan dalam sistem.
- (iv) Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan melalui emel rasmi di [sukkt@johor.gov.my](mailto:sukkt@johor.gov.my) atau talian 07-2666380
- (v) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tertanggung atas calon-calon sendiri. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 2 minggu dari tarikh temuduga dianggap **TIDAK BERJAYA**.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR**

**BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN**

**ARAS 2, BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK**

**KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR**

Bertarikh : 15 Ogos 2025